

**BERITA ONLINE**

**BERITA HARIAN**

**TARIKH: 10 NOVEMBER 2022**



## **MAKNA anugerah tiga saintis terima geran penyelidikan RM50,000**

Oleh Azhar Shahrulnizam - November 9, 2022 @ 8:13pm  
bhnews@bh.com.my



**KUALA LUMPUR:** Majlis Kanser Nasional (MAKNA) menganugerahkan geran penyelidikan bernilai sehingga RM50,000 setiap seorang kepada tiga saintis muda bagi membiayai penyelidikan kanser.

Majlis penyerahan Anugerah Penyelidikan Kanser MAKNA (MCRA) hari ini adalah yang kali ke-21 sejak kali pertama diadakan pada 2001. MCRA diadakan bagi mengalakkan dan mengiktiraf kepentingan penyelidikan kanser dalam kalangan saintis muda.

MCRA mensasarkan penyelidikan bagi mencari potensi rawatan bagi penyakit kanser. Penerima anugerah ini dipilih oleh Akademi Sains Malaysia (ASM) yang

dipengerusikan oleh Profesor Datuk Dr A Rahman A Jamal dan terdapat 13 lagi individu.

Anugerah ini diberikan kepada Dr Lee Sau Har daripada Taylor's University; Prof Madya Dr Ooi Ean Hin daripada Monash University Malaysia dan Dr Phan Chia Wei daripada Universiti Malaya (UM).

Pengurus Besar MAKNA, Farahida Mohd Farid, berkata penyelidikan dalam bidang kanser memerlukan kesungguhan dan pengorbanan yang tinggi.

"Hasil daripada kajian ini kita tidak akan dapat lihat serta-merta. Sebelum saintis menemui perkembangan yang signifikan dalam kajian mereka, pelbagai saringan perlu dilakukan terlebih dahulu. Perjalanan dalam penyelidikan ini memerlukan kecekalan dan semangat.

"Secara realistik kami akui penemuan yang baharu jarang berlaku tetapi harapan itu sentiasa ada untuk mendorong kami supaya optimistik dalam membina masa depan lebih baik," katanya hari ini.

Yang turut hadir, Presiden ASM, Profesor Emerita Datuk Dr Asma Ismail dan Felo Kanan ASM, Prof Emeritus Tan Sri Dr Dzulkifli Abdul Razak.

Sementara itu, Dr Asma berkata ASM komited menyokong perkembangan bakat dalam bidang saintifik terutamanya dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) di peringkat nasional dan juga antarabangsa.

"Fokus kami bukan sahaja mengiktiraf bakat muda STEM dalam bidang penyelidikan, malah turut mengiktiraf bakat yang mampu memberi nilai kepada negara dan masyarakat adalah antara fokus kami.

"Saya berharap anugerah ini dapat mengalakkan saintis muda untuk menceburi karier dalam bidang yang berkaitan dengan kanser supaya pengetahuan dalam bidang ini dapat ditingkatkan untuk kebaikan bersama," katanya.

Sejak MCRA diperkenalkan, MAKNA telah membiayai 66 penyelidik dengan peruntukan sebanyak RM 2.139 juta kepada penyelidikan kanser.